



PELAJAR UniSZA yang menyertai Kembara UniSZA Pasti Bantu di Zoo Negara, Masjid Saidina dan Pusat Transit Gelandangan.

Pengalaman **berharga**

■ Pelajar kewartawanan UniSZA dekati gelandangan, haiwan liar

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

"Memang luar biasa," Itu reaksi spontan Muhammad Farid Mohamed Fairuz, 20, yang berpeluang menimba pengalaman membersihkan kandang dan memberi makan kepada haiwan liar antaranya gajah, tapir dan harimau.

Remaja itu seorang daripada 60 pelajar Kor Asas Kewartawanan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang menyertai Kembara UniSZA Pasti Bantu di Zoo Negara, Masjid Saidina dan Pusat Transit Gelandangan,

kelmarin.

Muhammad Farid berkata, sebelum ini dia hanya berkesempatan menyertai program khidmat masyarakat di kawasan ditimpa bencana dan pusat komuniti.

"Program di zoo banyak memberi impak kepada peserta supaya lebih berani dan bijak meyelesaikan tugas kerana berdepan detik mencabar ketika melakukan kerja pembersihan.

"Saya dapat merasai pengalaman baru yang luar biasa apabila dapat mendekati dan memberi makan kepada haiwan liar," katanya.

Menurutnya, program seperti itu perlu dijalankan secara berterusan kerana banyak yang perlu dibantu, selain peserta memperoleh

ilmu berkaitan penjagaan haiwan.

"Program kesukarelawan ini mengeratkan hubungan sesama penuntut, di samping meningkatkan kesedaran dan memupuk kasih sayang terhadap manusia, alam sekitar serta haiwan," katanya.

Bagi Siti Sarah Ghalip, 19, dia teruja apabila diberi peluang untuk berkunjung ke Pusat Transit Gelandangan dan dapat meluangkan masa dengan penghuninya.

"Saya dapat beramah mesra dan sempat meluangkan masa dengan melakukan aktiviti gotong royong membersihkan tempat tinggal mereka bersama rakan lain.

"Malah, kami sempat

mendengar dan berkongsi cerita dengan penghuni di situ mengenai kehidupan mereka sebagai gelandangan," katanya.

Menurutnya, pengalaman sebagai sukarelawan memberi ilmu dan pendedahan mengendalikan individu yang memerlukan bantuan dengan cara yang betul.

Sementara itu Pengarah program, Syazwan Rusdi Syakip berkata, kerjasama dengan Zoo Negara, Masjid Saidina dan Pusat Transit Gelandangan itu satu landasan yang baik untuk mendedahkan mahasiswa mengenai pentingnya pembabitatan masyarakat dalam aktiviti sosial berkaitan kesukarelawan di kawasan bandar.